

MGSSM disyor anjur pertandingan seni silat

MELAKA, Ahad — Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rahim Tamby Chik berharap Majlis Gabungan Seni Silat Melaka (MGSSM) akan menganjurkan pertandingan seni silat peringkat kebangsaan dan antarabangsa di negeri ini untuk menarik pelancong. M.S/A

Beliau berjanji kerajaan negeri akan membantu menjayakan pertandingan itu sesuai dengan matlamat untuk memajukan sektor pelancongan di Melaka berasaskan kebudayaan rakyat asal negeri ini.

Katanya, kerajaan negeri juga akan memberi kerjasama dan sokongan kepada sebarang usaha untuk meletakkan seni silat di puncak kemegahannya dan berharap ia menjadi media pembinaan, fikiran, tatatertib dan peribadi yang kukuh.

Datuk Seri Abdul Rahim seterusnya mencadangkan seni silat Melayu dan silat olahraga dijadikan kegiatan satu kokurikulum di sekolah dan institusi pengajian tinggi di negara ini.

"Saya juga mencadangkan seni silat Melayu dan silat olahraga dijadikan satu mata pelajaran ilmu mempertahankan diri di dalam Angkatan Tentera dan polis," katanya ketika merasmikan kejohanan seni silat olahraga anjuran MGSSM dan Jabatan Kebudayaan Belia dan Sukan (JKBS) di sini pagi ini. **S. Hartan (M)**

Beliau berkata, jika seni mempertahankan diri seperti tae kwon-do dan judo boleh dijadikan ilmu mempertahankan diri, mengapa pula seni silat Melayu dan silat olahraga tidak boleh dijadikan ilmu mempertahankan diri rakyat negara ini. — **3 NOV 1986**

Ketua Menteri meminta guru-guru silat membuat kajian ilmiah mengenai aspek-aspek fizikal dan falsafah seni silat supaya ia setanding dengan bidang seni mempertahankan diri yang lain.

Beliau berkata, kerajaan negeri sudah membina sebuah gelanggang silat berhampiran Perigi Hang Tuah di Kampung Duyung dan berharap mereka yang berkenaan menggunakan sepenuhnya kemudahan itu untuk mengembangkan lagi seni silat.

Pertandingan seni silat olahraga peringkat negeri Melaka tahun ini disertai oleh 10 pasukan. Pasukan itu ialah Seni Silat Bawakali, Hulubalang, Buah Pukulan, Kuntau Sendeng, Seni Silat Sikume, Serantau, Sarang Dayung, Lima Sahabat, Gayung (Lendu) dan Seni Silat Cimandi.